

06 FEB 1997

RAKYAT MALAYSIA HARUS KUKUHKAN KEHARMONIAN KAUM, KATA SAMY VELLU

KUALA LUMPUR, 6 Feb (Bernama) -- Rakyat Malaysia harus berusaha untuk memperkukuhkan semangat muhibah, keharmonian dan persefahaman antara pelbagai kaum, kata Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu, hari ini.

Beliau berkata perayaan Tahun Baru Cina dan Aidil Fitri, yang akan disambut pada masa yang sama, memberikan rakyat Malaysia peluang menunjukkan kepada dunia bahawa perbezaan bangsa dan agama tidak menghalang mereka daripada menyambut perayaan masing-masing dalam suasana muhibah dan penuh harmoni.

"Sempena sambutan perayaan ini, semua rakyat Malaysia patut berasa bangga dengan pencapaian negara di bawah kepimpinan dinamik dan penuh wawasan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya dalam perutusan sempena Tahun Baru Cina dan Aidil Fitri, yang dikeluarkan di sini.

Samy Vellu berkata kestabilan politik dan kemajuan ekonomi yang dinikmati rakyat Malaysia pada masa ini tidak harus dipandang ringan.

"Ia dihasilkan oleh pengorbanan, kebijaksanaan dan pandangan jauh para pemimpin negara," katanya. -- BERNAMA

RAZ NAK